

19/12/2003

Media tidak boleh ada agenda tersembunyi

KITA bersyukur hasil daripada kestabilan politik dan perpaduan kaum yang kita nikmati hari ini, pendukung dan penggiat bidang kewartawanan Malaysia dapat menganjurkan majlis sebegini untuk menghargai pencapaian, jasa dan khidmat bakti warga media Malaysia pada setiap tahun tanpa sebarang gangguan dan halangan.

Kita bersyukur kerana nasib kita adalah jauh lebih baik daripada rakan-rakan kita di negara lain yang sentiasa malang lantaran musibah dan malapetaka yang mereka alami. Sebagai contohnya di Iraq, yang mana pribuminya tidak lagi menjadi tuan di bumi sendiri dan tidak lagi yang mampu menentukan nasib mereka seperti negara yang bebas dan merdeka.

Saya sengaja mengambil contoh Iraq berdasarkan pengalaman dan catatan perjalanan (atau reporters' diary) serombongan wartawan Malaysia yang dihantar ke kawasan konflik peperangan itu di bawah naungan Joint Media Team Malaysia atau JMTM anjuran Kementerian Penerangan pada pertengahan tahun ini.

Daripada pengalaman dan laporan harian wartawan kita (ketika itu), rakyat negara ini dengan lebih dekat mengetahui kesengsaraan dan masalah rakyat Iraq menerusi liputan berita, berita bergambar dan liputan televisyen kita yang ditugaskan selama 30 hari di Timur Tengah.

Lantaran keadaan kita yang jauh lebih baik daripada mereka membenarkan kita menghantar wartawan kita untuk melaporkan dengan tepat akan keadaan di sana untuk tatapan pembaca dan penonton tv kita di negara ini.

Sebagai penaung projek JMTM ini, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada setiap ahli JMTM yang sudah menjalankan tugas mereka dengan baik dan memenuhi segala objektif misi berkenaan. Saya amat berbangga sekali kerana kita telah dapat mencipta sejarah kewartawanan Malaysia dengan penubuhan (dan penugasan) JMTM.

Saya juga tertarik dengan inisiatif yang ditunjukkan oleh pertubuhan-pertubuhan media di negara ini yang telah menghantar koresponden mereka membuat liputan di konflik lain seperti di Aceh, baru-baru ini.

Ini membuktikan bahawa dimensi kewartawanan Malaysia telah dimartabatkan lagi dengan perkembangan ini yang secara tidak langsung membuatkan kita turut berasa bangga. Saya amat yakin bahawa perkembangan ini tidak akan terhenti di sini saja, malahan akan diteruskan lagi dengan kesungguhan media menjalankan tugas untuk liputan konflik lain pada masa akan datang, Insha-Allah.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pertubuhan media yang terbabit dengan penganjuran pameran 1,000 wajah Tun Dr Mahathir Mohamad di Balai Seni Lukis Negara yang disempurnakan perasmianya oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 6 Oktober 2003.

Kedua-dua projek ini membuktikan kerjasama dan komitmen erat antara Kementerian Penerangan dengan media tempatan untuk mencapai objektif yang murni. Saya dimaklumkan bahawa disebabkan sambutan yang amat menggalakkan, pameran ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2003.

Saya amat maklum bahawa pada ketika ini saya berdamping dengan fraterniti yang dikatakan mempunyai pengaruh besar dalam spektrum kehidupan masyarakat kita. Ada pula yang mengatakan bahawa kadangkala wartawan adalah lebih berpengaruh daripada orang politik, malahan kadangkala dikatakan lebih hebat daripada orang politik. Sama ada benar atau tidak hipotesis ini bolehlah diperdebatkan, namun beberapa insiden sejak kebelakangan ini sudah menjurus kepada kredibiliti hipotesis ini, sama ada benar wartawan lebih berpengaruh daripada orang politik.

Contoh: Masalah pembuangan sisa toksik di Selangor. Situasinya apabila masalah itu kelihatan seperti tidak dapat diselesaikan oleh orang politik, rakyat dengan segera membawa masalah itu kepada pengetahuan wartawan.

Berikutnya, muncullah media elektronik melaporkan masalah itu setiap malam ke dalam ruang tv untuk dikongsi bersama penonton.

Hasilnya, Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah perlu untuk mengatasi masalah itu dengan memindahkan tong yang mengandungi sisa toksik untuk diuruskan secara lebih selamat dan berkesan. Begitu jugalah situasinya dengan pelbagai masalah lain yang membabitkan kepentingan rakyat yang pada pandangan mereka memerlukan perhatian segera pihak berkuasa.

Pilihan mereka sekarang ialah selain daripada orang politik seperti ketua bahagian, ketua cawangan ataupun wakil rakyat sendiri, rakyat kini bebas membawa masalah itu kepada pengetahuan media untuk tindakan segera.

Untuk membuat kesimpulan mudah, memanglah wartawan boleh dikatakan berpengaruh dalam memperjuangkan masalah dan kepentingan rakyat. Akan tetapi kita juga tidak boleh memandang sepi akan peranan orang politik yang telah sekian lama berkhidmat dan membela rakyat dan kepentingan mereka.

Justeru, pada pandangan saya, kita perlukan kedua-duanya - orang politik dan wartawan untuk terus memperjuangkan isu-isu yang membabitkan kepentingan rakyat dalam usaha memberi pembelaan yang lebih baik kepada rakyat.

Sehubungan ini, saya berpendapat bahawa kedua-dua pihak hendaklah terus memelihara hubungan dua hala yang baik. Ini akan memudahkan kerja wartawan dan juga membantu komitmen orang politik yang berkhidmat untuk membela rakyat.

Saya juga ingin berpesan bahawa dalam masyarakat berbilang agama, kaum dan keturunan seperti Malaysia ini, tanggungjawab kewartawanan tidaklah hanya tertumpu kepada men-dapatkan berita dengan cepat dan tepat.

The responsibility of the media goes beyond just accurate reporting, in fact much more than just accurate and fair reporting. (Tanggungjawab media menjangkau melebihi daripada batasan laporan tepat saja, malah pada hakikatnya lebih daripada laporan tepat dan adil). Sensitiviti semua kaum di kalangan rakyat Malaysia hendaklah diambil kira.

Kestabilan politik dan perpaduan antara kaum adalah dua faktor utama kejayaan negara hingga ke tahap ini. Kedua-dua faktor ini hendaklah membayangi setiap prinsip dan gerak kerja kewartawanan di Malaysia.

Dalam semua dasar, rancangan dan tindak tanduk kerajaan ingin ditegaskan bahawa kedua-dua faktor ini menjadi tunjang pertimbangan utama kerajaan dalam melaksanakan setiap dasar dan rancangan kerajaan untuk kepentingan rakyat.

Justeru, tatkala media ghairah untuk melaporkan sesuatu isu dan masalah, kedua-dua faktor ini tidak boleh diabaikan atau dikompromikan dalam menjustifikasikan hasil laporan sesuatu media itu.

Media adalah dinasihatkan agar tidak sama sekali mengorbankan kepentingan kedua-dua faktor ini dalam usaha mereka menjadi jaguh rakyat, kalaupun usaha memperjuangkan isu yang membabitkan kepentingan rakyat itu akan, seperti yang sering disebut orang, menjadikan mereka sebagai jaguh. Andai kata hendak menjadi jaguh, jadilah jaguh yang berwibawa, bukannya jaguh yang tercela yang hanya memikirkan matlamat, tanpa memikirkan cara mereka mencapai matlamat itu.

Dalam soal ini saya tidak sependapat dengan Maxim bahawa The news, at all cost (Berita maha penting tanpa memperhitungkan perkara lain). Saya lebih setuju dengan The news, only after all causes (considered) (Berita hanya selepas mempertimbangkan semua sebab musebabnya). Pendek kata, matlamat tidak boleh menghalalkan cara. Ini bukanlah cara kita di Malaysia.

Tindak tanduk ini amat cenderung dipraktikkan di Barat dalam apa yang disifatkan sebagai hate journalism (kewartawanan menyemai kebencian). Hate journalism amatlah bahaya dan musibahlah padahnya dan ia tidak boleh dibiarkan menular di Malaysia, barang sehari sekalipun.

Sebenarnya pada fakulti minda kita yang waras ini, trend kewartawanan seperti ini tidak sama sekali masuk akal, apatah lagi untuk memikirkan mengenainya lantaran The matter is a waste of time, to think about it is

even more waste of time. (Perkara itu membuang masa saja, memikirkannya lebih membuang masa).

Hate journalism yang saya bimbangkan ini sebenarnya berkait rapat dengan liputan berita yang membabitkan persoalan agama, bangsa, keturunan dan budaya, dan kadangkalanya politik.

Keputusan isu ini tidak boleh dikompromikan sekalipun walau bagaimana sekalipun kita berusaha untuk mendapatkan berita.

Sebagai contoh, media tidak boleh dijadikan alat oleh segelintir pihak untuk membenci sesuatu kaum atau membenci sesetengah orang politik, seperti yang pernah berlaku (baru-baru ini).

Memanglah benar bahawa media kadangkala berpengaruh sehingga boleh menaikkan atau menjatuhkan seseorang ahli politik baik parti pemerintah atau parti pembangkang yang mana ia telah pun berlaku dalam sejarah politik di Malaysia.

Dan, media tidak boleh diperalatkan untuk mengembangkan fahaman hate journalism sehingga berlaku prasangka, curiga yang akhirnya membawa kepada kebencian yang melampau terhadap sesuatu kaum atau ahli politik.

Apabila trend pemberitaan ini diketahui mudah diadaptasikan oleh sesebuah media itu, maka pihak yang berkepentingan akan dengan mudah merasuk dan menokok-nambah tabiat buruk itu sehingga menyebabkan keadaan menjadi huru-hara dan bercelaru.

Apabila ini terjadi, maka senario kewartawanan kita akan terjerumus dalam kancas konflik yang akhirnya akan merugikan kita semua.

Ingatlah apabila kita membuka ruang walaupun sejengkal, musuh akan masuk dan mengambil kesempatan sehingga tidak akan ada hadnya.

Justeru, saya ingin berpesan bahawa kebebasan media yang tertakluk kepada beberapa perkara itu hendaklah dipraktikkan dengan penuh rasa tanggungjawab, antaranya tanggungjawab sosial.

Media kita hendaklah tidak mudah tersasar daripada landasan tanggungjawab sosial apabila membicarakan atau melaporkan sesuatu isu itu.

Landasan yang menjadi teras kepada prinsip tanggungjawab sosial ini amatlah jelas dan praktikal.

Begitu jelas sehinggakan apabila media tersasar atau sengaja tersasar, maka kita akan dapat dengan mudah mengesan agenda tersembunyi mereka, justeru timbulnya ungkapan hidden agenda.

Sebenarnya, media tidak boleh mempunyai apa-apa agenda yang tersembunyi selain daripada berkhidmat untuk kepentingan negara dan rakyatnya, tidak lebih daripada itu. Memang benarlah kita mengamalkan kebebasan media di Malaysia.

Akan tetapi, bebas yang bagaimana (yang diinginkan)? Bebas untuk mengundang malapetaka dan huru-hara? Dalam soal ini, saya sependapat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bahawa kebebasan mutlak (untuk media) tidaklah wujud, walau di negara mana sekalipun.

Kepercayaan ini hanyalah mitos yang direka oleh mereka di Barat yang mendakwa diri sebagai liberalis yang jelas berkepentingan.

Freedom of press should be exercised with restraint and responsibility. However, quite a few of those in the profession feel that restraint and responsibility means a limitation on the freedom of press. If total license is considered as freedom of the press, than freedom of the press does not exist anywhere in the world.

And in the view of the people outside the select group who control the press in one way or another, freedom of the press also does not exist. Freedom of the press is a myth, a myth invented by the so-called liberal west to serve their own purpose, since they, through their world-wide networking control the media, stand to benefit most.

Therefore, our press should not and subscribe (even thinking about it is a profanity!) to that kind of freedom, much less be part of their intellectual hegemony. We should think of what is good for our country and our people as a whole. That, ladies and gentlemen, my view on the freedom of the press.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Akhbar

Malaysia khusus kepada pengerusinya Datuk Ahmad A Talib yang juga Pengarang Kumpulan The New Straits Times di atas jemputan untuk memberikan ucapan dan seterusnya menyampaikan Hadiah Kewartawanan Malaysia 2001.

Kepada pemenang Hadiah Kajai yang terulung atau anugerah Journalist Of The Year 2001 saya mengucapkan tahniah istimewa.

Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada pemenang hadiah kewartawanan dalam kategori lain.

Sebenarnya hadiah ini bukanlah matlamat terakhir, ia adalah penggalak dan pencetus kepada mutu kewartawanan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.